

Amalan Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Melaka Tengah, Melaka

Hamdan Bin Said & Rahimah Binti Abdul Rasid

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan secara tinjauan melalui soal selidik ke atas 16 buah sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah; mengenalpasti amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah; dan mengenalpasti implikasi amalan penyeliaan pengajaran terhadap profesionalisme guru dari segi meningkatkan kualiti pengajaran, memperkukuh hubungan profesionalisme, perkongsian pengalaman dan pengetahuan, dan bantuan kepada guru dalam proses pengajaran. Seramai 315 orang guru telah dipilih secara rawak untuk menjayakan kajian ini. Kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan *Alpha Cronbach* untuk Bahagian B ialah 0.9143 dan Bahagian C ialah 0.8992. Data dikumpul secara kuantitatif dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Sciences* (SPSS). Min, kekerapan dan peratusan digunakan dalam menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah; amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah adalah tinggi; dan penyeliaan pengajaran yang diamalkan berkesan dalam meningkatkan profesionalisme guru dari segi kualiti guru, memperkukuh hubungan profesionalisme antara penyelia dan guru, berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam kalangan guru, dan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Katakunci : amalan penyeliaan pengajaran, pembelajaran, sekolah kebangsaan

Pengenalan

Sekolah yang cemerlang lahir dari pengurusan dan kepimpinan yang berkesan. Peranan yang dimainkan oleh pengetua dan guru besar sangat penting bagi menjadikan sekolah mereka sebagai institusi pembelajaran yang berkesan. Dengan keupayaan mereka mengembeling seluruh tenaga guru dan pelajar-pelajar diyakini matlamat menjadikannya sekolah cemerlang akan tercapai. Tumpuan pengurusan sekolah kepada usaha untuk meningkatkan tahap kecemerlangan bidang akademik di sekolah akan membolehkan guru-guru melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih yakin, teratur dan berkesan. Keberkesanan pengajaran guru perlu ditingkatkan dalam usaha untuk menjadikan sekolah sebagai pusat kecemerlangan iaitu tempat penyebaran ilmu pengetahuan dan penyampaian pelbagai jenis kemahiran serta pembentukan keperibadian pelajar.

Dalam menjalankan penyeliaan di bilik darjah, guru besar perlu mempunyai pengetahuan yang cukup serta kemaskini tentang perubahan sukatan pelajaran. Guru besar juga harus mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam mengesan masalah-masalah pedagogi yang timbul di dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang munasabah untuk membaiki kelemahan yang dikesaninya. Justeru, kebolehan untuk berkomunikasi juga penting agar dapat mempengaruhi guru yang diseliannya untuk mengubah cara dan sikap dalam menjalankan tugas. Menurut Asnah (1993) gaya guru besar memainkan peranan yang penting terutama selepas penyeliaan dilakukan. Contohnya, sokongan, cara arahan dan penerangan yang positif dapat membantu guru meningkatkan pengajarannya. Ini adalah

untuk mengelakkan wujudnya pertembungan antara guru besar dan guru yang mana akan wujudkan ketidak sefahaman haluan antara mereka.

Tugas dan tanggungjawab guru di sekolah atau di bilik darjah ialah mengajar dan mendidik pelajar secara serius sehingga pelajar tersebut dapat menguasai kemahiran atau ilmu yang diajarkannya. Pengajaran yang berkesan akan dapat membantu pelajar memperkembangkan intelek, sosial dan personal dengan baik. Setiap guru akan merancang pengajaran dengan tersusun dan berfokus. Pemilihan tajuk dan isi pelajaran yang sesuai dan mampu disampaikan kepada murid dengan berkesan. Objektif pengajarannya mudah difahami dan jelas hala tuju yang hendak dicapai. Di samping itu, guru tersebut akan menentukan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan menarik bagi mewujudkan rangsangan murid untuk belajar.

Pernyataan Masalah

Banyak diperkatakan tentang perlunya penyeliaan pengajaran dijalankan oleh guru besar untuk peningkatan prestasi murid. Al Ramaiah (1999) menyatakan penyeliaan sebagai satu usaha untuk mendorong, menyelaras dan membimbing para guru dalam hal pengajaran supaya mereka lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran. Mohd. Salleh Lebar (2000) pula menyatakan bahawa penyeliaan dalam konteks pendidikan ialah berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ia menjadi tugas pentadbir kerana penyeliaan adalah sebahagian dimensi pentadbiran sekolah dan dianggap sebagai satu perkembangan bidang profesional pengurusan.

Pada dasarnya, keberkesanan sesebuah sekolah berhubung kait dengan pengurusan sekolah yang sistematik. Setiap warga sekolah mempunyai akauntabiliti dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Menurut Wan Mohd. Zahid (1993) keberkesanan sesebuah sekolah dapat diukur daripada proses pelaksanaannya dan bukan bergantung kepada dapatan kajian semata-mata. Lantas, peningkatan kecemerlangan, sahsiah dan profesionalisme kerja guru perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah melalui amalan penyeliaan kurikulum di sekolah.

Menyedari pentingnya penyeliaan dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pengurusan kurikulum, kebanyakan sekolah telah menjadikan proses penyeliaan sebagai salah satu daripada tugas utama yang dijalankan oleh pentadbir. Tetapi persoalannya adakah guru faham dan bersedia untuk diselia pengajaran mereka. Bagi pentadbir pula, adakah amalan penyeliaan yang dijalankan oleh mereka menggunakan langkah dan pendekatan yang betul. Jikalau pun penyeliaan telah di buat oleh guru besar mengikut masa yang dijadualkan, timbul juga persoalan adakah penyeliaan itu memberi kesan terhadap profesionalisme guru dan seterusnya member impak kepada prestasi murid.

Dari itu, kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk melihat tanggapan guru dan amalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh pentadbir terhadap guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan di Daerah Melaka Tengah. Kajian ini juga turut meninjau samada penyeliaan pengajaran dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan profesionalisme guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan di Daerah Melaka Tengah.

Objektif Kajian

- i) Mengenalpasti tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas.
- ii) Mengenalpasti amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah.

- iii) Mengenalpasti sama ada amalan penyeliaan pengajaran dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru.

Kepentingan Kajian

- i. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam mengadaptasikan fungsi penyeliaan pengajaran yang sebenar.
- ii. Kajian diharap dapat dijadikan panduan untuk guru-guru memahami proses penyeliaan pengajaran yang dipertanggungjawabkan kepada pengetua. Dengan cara sedemikian diharapkan dapat mengikis tanggapan-tanggapan negatif terhadap penyeliaan yang dilakukan oleh guru besar. Di samping itu, memperkukuhkan hubungan profesionalisme antara guru besar dan guru.
- iii. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh guru besar untuk melaksanakan penyeliaan pengajaran ke arah pengurusan sekolah berkesan. Serta dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam proses penyeliaan pengajaran yang telah dijalankan.
- iv. Diharap melalui kajian ini, pandangan guru terhadap penyeliaan pengajaran diperolehi untuk mengetahui keadaan sebenar guru-guru yang diselia. Hasil maklum balas ini, boleh dijadikan rujukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran pada masa akan datang.
- v. Dapatan kajian ini diharap akan memberikan input kepada pihak Jabatan Pelajaran Melaka terhadap situasi sebenar pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang telah diarahkan kepada pentadbir sekolah agar dapat membuat penilaian dan tindakan yang sewajarnya terhadap pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan deskriptif bagi menerangkan tentang amalan penyelidikan di sekolah. Kaedah ini dibuat untuk melihat keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap tahap profesionalisme guru iaitu kualiti pengajaran, hubungan profesionalisme, perkongsian maklumat dan bantuan dalam proses pengajaran. Kajian ini adalah satu tinjauan yang telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data telah dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif dipilih kerana ianya adalah piawai, mudah dianalisa, sistematik dan mudah diproses. Data-data diperolehi melalui teknik soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru sekolah yang dipilih.

Persampelan

Kajian ini dibuat dengan melibatkan 315 orang guru dari 16 buah sekolah kebangsaan dalam daerah Melaka Tengah, Melaka. Terdapat 54 buah sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah dan pengkaji memilih 16 buah sekolah kebangsaan sahaja secara rawak mudah iaitu memilih sekolah dalam selayan tiga daripada senarai nama sekolah kebangsaan daerah Melaka Tengah yang tersenarai di dalam Buku Catatan Harian Tahun 2008, Jabatan Pelajaran Melaka. Mengikut maklumat daripada pegawai data Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah, terdapat seramai 1823 orang guru yang berkhidmat di semua sekoah kebangsaan di Daerah Melaka Tengah. Dengan merujuk kepada Jadual Krejcie and Morgan, pengkaji telah menyediakan sebanyak 320 set soalan soal selidik dan diagihkan kepada guru-guru di 16 buah sekolah yang dipilih. Sebanyak 315 set soalan yang dikembalikan kepada pengkaji. Seramai 315 orang guru terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sampel dibuat secara rawak dengan melibatkan guru-guru yang telah berkhidmat lebih 2 tahun dan pernah diselia oleh guru besar.

Soalan soal selidik telah dihantar sendiri oleh pengkaji secara terus ke sekolah-sekolah melalui guru besar sekolah berkenaan. Bagi memudahkan responden mengembalikan soal selidik yang telah dilengkapkan, sebuah sampul surat besar telah disediakan untuk mengisi semua borang soal selidik yang telah dijawab. Kesemua borang soal selidik dipungut sendiri oleh pengkaji melalui kerani dari setiap buah sekolah yang terlibat seminggu selepas soalan soal selidik dihantar dengan kebenaran guru besar setiap sekolah yang terlibat. Sebanyak 315 set soal selidik yang kembalikan kepada pengkaji.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen ini diambil dari soal selidik yang dibuat oleh Mohd Ruzi bin Muhammad Shafie (2001) di dalam kajian yang dibuatnya bertajuk 'Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di Lima Buah Sekolah Daerah Johor Bahru' dengan membuat beberapa kali perubahan untuk memastikan setiap perkataan dan istilah yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan mempunyai maklumat yang lengkap untuk digunakan sebagai alat penyelidikan. Ianya juga membolehkan soalan dalam soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh responden. Satu kajian rintis telah dijalankan bagi tujuan tersebut.

Soal selidik kajian ini mengandungi 43 item dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

Bahagian A : Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi 5 item berkaitan dengan latar belakang responden kajian. Bahagian ini mengandungi jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, pengalaman mengajar dan kekerapan responden diselia. Responden perlu menandakan pilihan jawapan daripada cadangan jawapan yang disediakan.

Bahagian B : Tanggapan Guru Dan Amalan Penyeliaan

Bahagian ini menyenaraikan soalan-soalan yang bertujuan untuk meninjau tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran yang telah mereka lalui dan mengenalpasti tahap amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah. Ia mengandungi 20 item yang menggunakan Skala Likert berdasarkan lima tahap persetujuan iaitu:

- 1 = Sangat tidak setuju
- 2 = Tidak setuju
- 3 = Kurang setuju
- 4 = Setuju
- 5 = Sangat setuju

Soalan berbentuk Skala Likert digunakan untuk mendapatkan darjah persetujuan responden terhadap soalan yang diajukan. Skala Likert 5 mata dipilih berdasarkan kepada kematangan dan kesesuaian dengan tahap intelek responden yang dipikirkan. Di samping itu Skala Likert mempunyai darjah kebolehpercayaan yang lebih tinggi serta memudahkan pengkaji untuk menganalisa data yang diperolehi.

Item di dalam Bahagian B adalah dikemukakan untuk memungut sebahagian daripada data kajian ini. Responden dikehendaki menjawab soalan kajian tentang aspek-aspek berikut:

Jadual 1 : Jumlah Taburan Item Dari Aspek Amalan Dan Tanggapan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran

	ASPEK KAJIAN	NO. ITEM	JUMLAH ITEM
1	Tanggapan guru terhadap penyeliaan	1, 3, 5, 7, 9, 12, 14, 18	8
2	Apakah bentuk amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah?	2, 4, 6, 8, 10, 11, 13, 15, 16, 17,	10

Bahagian C : Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran Terhadap Meningkatkan Tahap Profesionalisme Guru

Bahagian ini mengandungi sebanyak 20 item yang meninjau keberkesanan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh guru besar terhadap guru-guru. Dalam kajian ini pengkaji melihat dari empat aspek utama seperti berikut:

Jadual 2 : Taburan Item dari Aspek Kajian Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran

	KAJIAN DARI ASPEK MENINGKATKAN PROFESIONALISME GURU	NO. ITEM	JUMLAH ITEM
1.	Meningkatkan kualiti pengajaran guru	1, 4, 10, 14, 18	5
2.	Memperkukuhkan hubungan profesionalisme	7, 11, 15, 19	4
3.	Berkongsi pengalaman dan pengetahuan	2, 5, 8, 12, 16	5
4.	Membantu guru dalam proses pengajaran	3, 6, 9, 13, 17, 20	6

Kajian Rintis

Kajian rintis yang dijalankan bertujuan untuk memastikan setiap perkataan dan istilah yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan mempunyai maklumat yang lengkap untuk digunakan sebagai alat penyelidikan. Ianya juga membolehkan soalan dalam soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh responden.

Kajian rintis telah dijalankan kepada 25 orang guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Peringgit, Melaka. Responden dari sekolah ini tidak digunakan dalam kajian sebenar. Hasil daripada kajian ini mendapati nilai *Alpha Cronbach* bagi soalan-soalan soal selidik dari Bahagian B ialah 0.9143 dan Bahagian C ialah 0.8992. Ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan adalah tinggi.

Analisis Data

Bagi menjawab persoalan (iii) kajian, 'Adakah amalan penyeliaan pengajaran dapat meningkatkan profesionalisme guru?', sebanyak 20 item pada Bahagian C telah dianalisis. Keberkesanan penyeliaan pengajaran dilihat pada 4 aspek, iaitu meningkatkan kualiti pengajaran guru, memperkukuhkan hubungan profesionalisme, berkongsi pengalaman dan pengetahuan, dan membantu guru dalam proses pengajaran. Nilai min keseluruhan persoalan ini adalah 4.01.

Jadual 3 : Taburan Min Bagi Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran Terhadap Peningkatan Profesionalisme Guru

	ASPEK MENINGKATKAN PROFESIONALISME GURU	MIN
1.	Meningkatkan kualiti pengajaran guru	4.09
2.	Memperkukuhkan hubungan profesionalisme	3.97
3.	Berkongsi pengalaman dan pengetahuan	3.94
4.	Membantu guru dalam proses pengajaran	4.04
	JUMLAH MIN KESELURUHAN	4.01

Kajian ini mendapati bahawa untuk persoalan kajian pertama, berhubung dengan tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas mendapat tanggapan yang positif daripada guru-guru. Ini diperjelaskan berdasarkan respon positif yang diperolehi daripada guru didapati min terendah ialah 3.57, min tertinggi 4.23 dan min keseluruhan bagi kesemua lapan item yang dikemukakan ialah 4.01.

Bagi persoalan kajian kedua, berhubung dengan amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah, didapati berada pada tahap yang tinggi. Ini berdasarkan respon daripada guru terhadap sepuluh item yang dikemukakan, didapati min terendah ialah 3.56, min tertinggi ialah 4.31 dan min keseluruhan adalah 4.03.

Dapatan bagi persoalan kajian ketiga iaitu berhubung dengan keberkesanan penyeliaan pengajaran terhadap meningkatkan profesionalisme guru pula, di mana peningkatan profesionalisme guru dilihat pada empat aspek. Bagi aspek pertama, berhubung dengan meningkatkan kualiti pengajaran guru didapati min terendah ialah 3.93, min tertinggi adalah 4.19 serta min keseluruhan ialah 4.04. Bagi aspek kedua, berhubung dengan memperkukuhkan hubungan profesionalisme didapati min terendah adalah 3.87, min tertinggi ialah 4.07 dan min keseluruhan ialah 3.97. Bagi aspek ketiga, berhubung dengan berkongsi pengalaman dan pengetahuan didapati min terendah adalah 3.60, min tertinggi ialah 4.18 dan min keseluruhan ialah 3.94. Bagi aspek keempat, berhubung membantu guru dalam proses pengajaran didapati min terendah ialah 3.94, min tertinggi adalah 4.19 dan min keseluruhan ialah 4.04. Berdasarkan dapatan kajian ini, boleh dirumuskan bahawa penyeliaan pengajaran memberikan kesan yang positif terhadap peningkatan profesionalisme guru.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tanggapan guru terhadap penyeliaan yang dijalankan di sekolah kajian adalah positif, dengan jumlah min keseluruhan adalah 4.01. Pada keseluruhannya, majoriti responden bersetuju penyeliaan perlu dijalankan terhadap semua guru, mereka juga sedar penyeliaan perlu dilakukan untuk kecemerlangan akademik murid. Sebilangan guru pula bersetuju bahawa penyeliaan pengajaran adalah merupakan suatu prosedur rutin yang perlu dilakukan oleh guru besar dan menyatakan penyeliaan membolehkan mereka memperlihatkan kecekapan dalam pengajaran. Walaupun begitu, lebih dari separuh guru yang merasa kurang selesa untuk menjalankan pengajaran apabila mereka diselia (53.2%). Ini berlaku mungkin ada kalangan guru menganggap diri mereka sebagai golongan professional dan dengan itu mereka bebas mengendalikan kelas dengan cara yang mereka anggap paling baik tanpa perlu diawasi oleh orang lain seperti yang dijelaskan oleh Sharifah dan Azizah (1988). Begitu juga, masih ada guru yang bimbang terhadap komen penyelia keatas pengajarannya (54.3%). Ini mungkin kerana mereka tidak yakin dengan pengajaran mereka sendiri atau mereka terlalu yakin dengan pengajaran mereka seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahim (1987), guru berpendapat mereka tidak perlu dicerap lagi kerana mereka tahu membuat kerja mereka dan mereka mempunyai kelulusan akademik dan profesional. Walaupun begitu kajian ini mendapati majoriti guru (91.7%) bersetuju penyeliaan dapat melihat kekuatan dan kelemahan pengajaran dan 80.4% guru bersetuju dan berpuas hati dengan penyeliaan yang telah dialami, ini membuktikan guru melapangkan dada untuk penerimaan penyeliaan pengajaran yang membawa faedah dalam pengajaran mereka. Ini selari dengan kajian Sharifah dan Azizah (1988) yang menyatakan bahawa kebanyakan guru yang bersetuju diselia memahami tujuan penyeliaan sebagai satu aktiviti untuk membantu guru meningkatkan prestasi pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah kajian adalah berada pada tahap tinggi dari segi pelaksanaannya, di mana jumlah min keseluruhan adalah 4.03. Pada keseluruhannya, bagi fasa sebelum penyeliaan, majoriti guru mengakui bahawa sebelum dijalankan penyeliaan, penyelia dan guru akan membuat perbincangan awal. Begitu juga guru akan diberitahu terlebih dahulu kelas, mata pelajaran dan aspek yang akan diselia.

Tetapi hanya 59.0% guru bersetuju bagi item 6, iaitu penyelia dan guru berbincang tentang isi pengajaran sebelum diselia. Ini bermakna penyeliaan yang dijalankan tidak begitu mementingkan isi pelajaran tetapi lebih kepada kaedah pengajaran atau mungkin juga penyelia tidak mahir dengan isi mata pelajaran kerana penyelia hanya mahir di dalam sesuatu mata pelajaran iaitu mata pelajaran yang mereka opsyen sahaja atau ia mungkin tidak dibincangkan kerana kebanyakan guru yang dikaji (70.2%) mempunyai pengalaman mengajar melebihi lapan tahun. Kemungkinan besar penyelia mengandaikan mereka tidak perlu diberi bantuan dari aspek ini kerana mereka adalah guru-guru yang terlatih dan berpengalaman.

Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. Dapatan kajian menunjukkan jumlah min keseluruhan bagi bahagian ini 4.09 dan ini menunjukkan ianya berkesan dari segi pelaksanaan.

Ini boleh dibuktikan apabila 88.9% responden menyatakan penyeliaan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan dengan adanya penyeliaan guru-guru sedar akan kelemahan dan akan membaikinya di masa hadapan supaya pengajaran mereka akan menjadi lebih baik. Ini bersesuaian dengan pendapat Robiah (1984) yang mengatakan bahawa penyeliaan dapat membantu guru meningkatkan pengajaran dan

pembelajaran di sekolah. Ibrahim Mamat (1993) pula menyatakan penyeliaan pendidikan bermakna memberi pimpinan kepada para guru untuk berkembang, meningkat dan mencapai kesempurnaan dalam tugas mereka.

Sebaliknya hanya 78.7% guru bersetuju dapatan penyeliaan yang baik dimaklumkan kepada guru-guru lain. (21.3% guru menyatakan ia tidak bersetuju). Bermakna masih ada guru yang menganggap hasil penyeliaan adalah rahsia antara penyelia dengan guru yang diselia. Jika ini berlaku maka fungsi penyeliaan sebagai alat untuk meningkatkan kualiti pengajaran tidak berlaku. Sepatutnya aspek-aspek baik perlu disebarikan kepada guru lain agar aktiviti penambahbaikan dapat dilakukan. Begitu juga dengan kelemahan-kelemahan yang ada perlu dijelaskan kepada guruguru lain supaya perkara sama tidak berulang.

Hasil kajian mendapati bahawa penyeliaan pengajaran mampu untuk memperkukuhkan hubungan profesionalisme antara penyelia dan guru. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian di mana jumlah min keseluruhan adalah 3.97 dan ianya berada di tahap yang tinggi

Hasil dapatan kajian mendapati majoriti guru bersetuju penyelia membimbing pengajaran mereka. Menurut Glickman (1998), penyeliaan pengajaran yang berterusan dapat mempertingkatkan profesionalisme guru melalui hubungan yang positif antara penyelia dan guru. Ini terbukti apabila lebih daripada 80% guru bersetuju penyeliaan membolehkan guru membina hubungan dengan penyelia serta penyelia bersikap mesra dengan guru semasa penyeliaan. Ini menunjukkan bahawa kesan dari penyeliaan, hubungan antara penyelia dan guru lebih baik dan positif. Ini selari dengan kenyataan Alimuddin (2006), impak yang maksimum dalam aktiviti penyeliaan akan terhasil melalui sikap penyayang, jujur dan hubungan percaya mempercayai di antara pengetua/guru besar dengan guru-guru di sekolah. Suasana yang mesra ini akan tambah menarik sekiranya disertakan dengan rasa tanggungjawab dan sikap ingin memberi dan sanggup pula menerima di samping kemahuan yang tinggi untuk meningkatkan keupayaan diri dan kemahiran sebagai seorang guru yang sebenar. Sekiranya "*sense of achievement*" ini dapat dibentuk dalam diri guru maka sudah semestinya ia akan menghasilkan "*sense of self-esteem*" yang dapat meningkatkan keyakinan diri, melewati kompetensi yang sedia ada pada diri mereka.

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa penyeliaan mampu membantu guru dan penyelia berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Min Skor keseluruhannya adalah 3.94 iaitu pada tahap yang tinggi keberkesannya.

Hasil kajian mendapati penyelia banyak memberi cadangan penambahbaikan terhadap pengajaran kepada guru (93.0%). Di samping memberikan cadangannya, penyelia juga bersedia untuk menerima pandangan daripada guru semasa sesi perbincangan (90.5%). Ini selaras dengan pendapat Alimuddin (2006) yang menyatakan sebagai Pengetua atau Guru Besar mereka hendaklah sentiasa belajar daripada guru dan pelajar di sekeliling mereka dengan sedia mendengar idea, pendapat dan pandangan. Sekiranya guru-guru melihat kesungguhan Guru Besar untuk belajar dan berkongsi idea, maka wujudlah dimensi 'trust' di kalangan mereka. Berdasarkan konsep "*leader is a learner*", bermakna Guru Besar juga turut belajar melalui proses pemantauan dan penilaian.

Dari hasil soal selidik berkaitan keberkesanan penyeliaan dalam aspek membantu guru dalam proses pengajaran, jumlah min keseluruhan yang diperolehi adalah 4.04. Ini menggambarkan aktiviti penyeliaan berkesan dalam aspek membantu guru dalam proses pengajaran.

Rujukan

- Asnah Abdul Hamid (1995). Penyeliaan Dalam Pengurusan Organisasi Pendidikan : Satu Pendekatan Kaunseling. *Jurnal Pendidikan. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 4*, Bil. 2.
- Azali Haji Mahbar (1992), Penyeliaan Pengajaran : Perlukah Ada Pendekatan Pelengkap Yang Lain. *Jurnal Guru* Keluaran 4,16 Mei 1992
- Boardman W. Charles, Dougless R. Harl dan Bent K. Rudyard. (1953). *Democratic Supervision In Secondary School*. Massachusetts: Houghton Mifflin Company.
- Duke, D.L. (1993), *Educational Leadership*. London : Paul Chapman
- Glickman, C. D. (1998). *Supervision of Instruction. A Developmental Approach*. Georgia : Allyn and Bacon Inc
- Hamsah Abd Latif (2002). *Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Penyeliaan Pengajaran Terhadap Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Di Daerah Kluang, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Pendidikan
- Haliza bt Hussin (2005). *Amalan Dan Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Muar*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Pendidikan
- Ibrahim Mamat (1993). *Kepimpinan Sekolah*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ismail Abu Talib (1986). *Penyeliaan Sekolah – Satu Harapan*. Kertas kerja dibentang dalam Seminar Peningkatan Profesionalisme Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Melaka, Melaka.
- Ismail Bachik dan Othman Rejab (2001). Penyeliaan Klinikal : Satu Pendekatan Berhikmah. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Jld 38*. !3-21
- Mohd. Salleh Lebar (2000). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan Di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn Bhd
- Nazaruddin Mohd. Ali et. Al (1992). Penyeliaan Pendidikan : Kepimpinan Instruksi Guru Besar dan Pengetua. *Jurnal Pendidikan Institut Aminudin Baki 22 – 35*
- Robiah Sidin (1988). *Asas Pentadbiran Pendidikan*. Petaling Jaya : Pustaka Cipta Sdn Bhd.
- Saedah Siraj (2001). *Perkembangan Kurikulum: Teori Dan Amalan*. Selangor: Alam Pintar Enterprise
- Sergiovanni, T. J. dan Starratt, R. J. (1993). *Supervision A Redifinition fifth edition*. New York: McGraw Hill, Inc
- Subaidah Haleed (2001). *Pesepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru Terhadap Kesan Penyeliaan Pengetua Ke atas Peningkatan Kualiti Pengajaran Guru*. UTM, Skudai:Tesis Sarjana Pendidikan,.
- Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin (1987). *Ke Arah Pengurusan dan Penyeliaan bilik Darjah*. Kertas kerja dibentang dalam Persidangan Pegawai-Pegawai Pendidikan Daerah Kali ke 5 di Kota Bahru, Kelantan.